

TERMA DAN SYARAT

KEMPEN GADAI, BELI DAN MENANG

A. Syarat-syarat dan Kelayakan Kempen

1. Kempen ini terbuka kepada:
 - i. Pelanggan individu yang baharu dan sedia ada;
 - ii. Warganegara Malaysia; dan
 - iii. Membuat pengeluaran Pembiayaan Pajak Gadai-i & memastikan akaun Pajak Gadai-i aktif semasa tempoh kempen di cawangan Bank Rakyat dan Ar-Rahnu X'Change milik Bank Rakyat sahaja.
 - iv. PENGECUALIAN:
 - a. Warga kerja Bank Rakyat dan Ar-Rahnu X'Change; dan
 - b. Pelanggan yang mempunyai sebarang akaun tunggakan, akaun yang digantung atau akaun yang ditamatkan atau akaun yang telah melanggar mana-mana terma dan syarat dalam perjanjian dengan Bank.

2. Mekanisma penyertaan adalah berkonsepkan Gadai, Beli dan Menang, di mana:
 - i. Penyertaan kempen ini hanya kepada permohonan gadaian barang kemas / barangan emas yang diluluskan sahaja sepanjang tempoh kempen berlangsung di semua cawangan Bank Rakyat dan Ar-Rahnu X'Change milik Bank Rakyat sahaja.
 - ii. Tiada had minimum bagi nilai gadaian.
 - iii. Bagi barang kemas / barangan emas yang dibeli dari syarikat emas terpilih dan seterusnya digadai di Bank Rakyat/Ar-Rahnu X'Change dan diluluskan serta masih aktif dalam tempoh kempen layak mendapat dua (2) bilangan penyertaan.
 - iv. Manakala bagi barang kemas / barangan emas yang dibeli **selain** dari syarikat emas terpilih dan seterusnya digadai di Bank Rakyat/Ar-Rahnu X'Change dan diluluskan serta masih aktif dalam tempoh kempen layak mendapat satu (1) bilangan penyertaan.
 - v. Ringkasan kelayakan bilangan penyertaan adalah seperti berikut:

Jumlah Gadaian Yang Diluluskan	Bilangan Penyertaan selain syarikat emas terpilih	Bilangan Penyertaan dari syarikat emas terpilih
Sebarang nilai gadaian	1	2

3. Pelanggan yang ingin mendapatkan gandaan bilangan penyertaan perlu mengemukakan dokumen asal dari syarikat emas yang terpilih semasa urusan gadaian di Bank Rakyat/Ar-Rahnu X'Change:
 - a. Resit Pembelian / invois Jualan; atau
 - b. Sijil Ketulenan Emas; atau
 - c. Sebarang dokumen yang disahkan oleh Syarikat Emas
4. Penyertaan kempen ini adalah tertakluk kepada kelulusan Bank Rakyat dan Ar-Rahnu X'Change dan juga terma dan syarat kempen ini.
5. Semua keputusan yang dibuat oleh Bank Rakyat dan Ar-Rahnu X'Change adalah muktamad dan sebarang pertikaian tidak akan dilayan.

B. Senarai Syarikat Emas Terpilih

1. RMS Gold (Rakyat Management Services Sdn Bhd)
2. MAA Precious Metals Sdn Bhd
3. Public Gold Marketing Sdn Bhd
4. Nubex Sdn Bhd
5. Kedai Emas Sri Tanah Merah

C. Baucer tawaran istimewa dari Syarikat Emas

Pelanggan perlu mengimbas kod QR untuk menerima baucer selepas transaksi pengeluaran pembiayaan Pajak Gadai-i telah berjaya dilaksanakan. Pelanggan hanya perlu menunjukkan baucer tersebut kepada syarikat emas terpilih untuk mendapatkan tawaran istimewa.

D. Tempoh Kempen

1. Tempoh Kempen adalah selama **enam (6) bulan** bermula dari **02 April 2024** hingga **30 September 2024**.
2. Bank Rakyat boleh menukar atau meminda tempoh kempen ini sekiranya perlu. Sebarang perubahan akan dimaklumkan menerusi laman web rasmi atau media sosial Bank Rakyat.

E. Hadiah Kempen

1. Hadiah kempen bagi dua (2) kali cabutan adalah seperti berikut:

Cabutan Pertama bagi pelanggan membuat gadaian dari bulan April hingga Jun 2024:

KATEGORI	BIL. PEMENANG	HADIAH
Pertama	1	20 gram <i>Gold Bar</i>
Kedua	1	10 gram <i>Gold Bar</i>
Ketiga	1	5 gram <i>Gold Bar</i>
Saguhati	15	1 gram <i>Gold Bar</i>
Jumlah	18	50 gram

Cabutan Kedua bagi pelanggan membuat gadaian dari bulan Julai hingga September 2024:

KATEGORI	BIL. PEMENANG	HADIAH
Pertama	1	20 gram <i>Gold Bar</i>
Kedua	1	10 gram <i>Gold Bar</i>
Ketiga	1	5 gram <i>Gold Bar</i>
Saguhati	15	1 gram <i>Gold Bar</i>
Jumlah	18	50 gram

2. Setiap pemenang hanya layak untuk menerima satu (1) hadiah sahaja bagi setiap cabutan.
3. Pemenang yang telah memenangi hadiah pada sesi cabutan pertama masih layak untuk memenangi hadiah cabutan kedua sekiranya pelanggan membuat gadaian dalam tempoh gadaian cabutan kedua.
4. Hadiah akan didaftarkan atas nama pemenang yang layak sahaja. Hadiah tidak boleh ditukar ganti kepada tunai.
5. Bank Rakyat boleh menggantikan hadiah sedia ada dengan hadiah lain yang setimpal (sekiranya perlu) dengan memaparkan notis di laman sesawang Bank Rakyat.

F. Pemilihan Pemenang

1. Jawatankuasa penentuan pemenang adalah ditetapkan oleh Bank Rakyat untuk kempen ini.
2. Undian secara rawak akan dijalankan dengan menggunakan sistem undian berkomputer selepas tamat tempoh kempen.
3. Semua keputusan pemenang adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat, bantahan dan rayuan tidak akan dilayan.
4. Bank Rakyat mempunyai hak untuk memilih pemenang seterusnya (yang dipilih oleh sistem pengundian) daripada senarai menunggu / simpanan.
5. Pemenang akan dimaklumkan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) atau panggilan telefon atau lain-lain kaedah yang bersesuaian. Bank Rakyat/Ar-Rahnu X'Change TIDAK akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi atau gagal menghubungi kembali bagi urusan tuntutan hadiah.

G. Lain-Lain

1. Penyertaan dalam kempen ini adalah atas persetujuan tanpa syarat yang diterima sepenuhnya oleh pelanggan / peserta ke atas perkara-perkara yang disebutkan di dalam Terma dan Syarat ini (termasuk sebarang pindaan yang dilakukan oleh Bank Rakyat dari masa ke masa).
2. Dengan menyertai kempen ini, pelanggan/peserta bersetuju dan membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat.
3. Bank Rakyat/Ar-Rahnu X'Change boleh menolak dan/atau mengeluarkan mana-mana penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan, tidak sah dan tidak menepati syarat-syarat sepertimana yang telah disebut di dalam Terma dan Syarat ini.
4. Melainkan diperuntukkan secara khusus atau sebaliknya, Bank Rakyat boleh meminda, membatalkan atau menambah terma dan syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu di laman web Bank Rakyat atau sebarang medium komunikasi yang bersesuaian. Pelanggan/Peserta adalah dianggap bersetuju untuk terikat dengan sebarang pindaan, pemotongan atau penambahan tersebut.
5. Bank Rakyat/Ar-Rahnu X'Change boleh mencetak atau menyiarkan nama dan gambar pemenang untuk tujuan promosi di dalam akhbar, majalah, laman sesawang korporat Bank Rakyat, atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.
6. Dengan menyertai kempen ini, pelanggan/peserta bersetuju untuk membenarkan Bank Rakyat, anak-anak syarikat, sekutu, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan menggunakan nama pelanggan / peserta dan butiran peribadi (jika diperlukan) untuk tujuan komunikasi, promosi, secara keseluruhan, dalam mana-mana dan semua media sekarang atau yang telah dirancang, tanpa bayaran tambahan,

melainkan jika dilarang oleh undang-undang.

7. Bank Rakyat/Ar-Rahnu X'Change tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kelewatan, kerugian, kekurangan, kerosakan yang berkaitan dengan visual atau pembayaran kepada pelanggan/peserta dan yang berkaitan dengan hasil kerja atau pembayaran oleh/kepada pihak ketiga yang dilantik oleh pemenang.
8. Bank Rakyat/Ar Rahnu X Change tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan,kehilangan,kekurangan,kerosakan pada makluman atau apa-apa koresponden sama ada melalui e-mel, surat atau mana-mana medium komunikasi.
9. **PENAFIAN:**
TERTAKLUK KEPADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PELANGGAN/PESERTA ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN PELANGGAN/PESERTA DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PELANGGAN/PESERTA TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.
10. Bank Rakyat/Ar-Rahnu X'Change tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkiran yang disebabkan bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, endemik, kegagalan sistem atau apa-apa situasi di luar kemampuan Bank Rakyat.
11. Dengan menyertai kempen ini, pelanggan/peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat rasmi yang terkandung dalam ini, termasuk keputusan yang dibuat oleh pihak Bank Rakyat/Ar-Rahnu X'Change yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.
12. Terma dan syarat ini terikat dengan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian **1-300-80-5454**; atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat; atau layari laman sesawang Bank Rakyat di **www.bankrakyat.com.my**